

Minit Mesyuarat Kurikulum Kali Ketiga 2011

Hari: Rabu

Tarikh: 14 Julai 2011

Masa: 1.45 petang

Tempat: Bilik Mesyuarat Seri Anggun

Agenda:

1. Perutusan pengerusi
2. Pengesahan Minit Mesyuarat
3. Perkara Berbangkit
4. Analisa Peperiksaan Pertengahan Tahun 2011
5. Hal-hal lain

Kehadiran:

Semua ahli majlis hadir:

- | | |
|------------------------------|-------------------------------|
| 1. Pn Faizah Yusoff | 24. Pn Mazli Mansoh |
| 2. Pn Norlila Omar | 25. Pn Kok Lee Chan |
| 3. Pn Nor Riha Zakaria | 26. Pn Nik Mariam Annis |
| 4. Pn Roslina Abd Ghani | 27. En Kurusamy a/l Marimuthu |
| 5. Pn Noor Aishah Kassim | 28. Pn Suraiya Mohammad Ali |
| 6. Pn Rapidah Samsuri | 29. Pn Suriani Banyamin |
| 7. Pn Rohani Sulaiman | 30. Pn Norazmalinda Abdullah |
| 8. Pn Zaharah Mahmood | 31. Pn Chi Wai fen |
| 9. Pn Intan Zurainee Mokhtar | 32. Pn Zunaidah abdullah |
| 10. Pn Zulaini Ismail | 33. Pn NorHasniza kassim |
| 11. Pn Nazlah Saraah | 34. Pn Azlida Ahmad |
| 12. Pn S.Philomina | 35. Pn Dasimah Jalun |
| 13. Pn Suria Aida abd Malek | 36. Pn Mahanom Abd Jalil |
| 14. En Ghalib Yunus | 37. Pn Tan Wat Jin |
| 15. Pn Nor Fatimah Mohd Noor | 38. Pn Noorazeen Harun |
| 16. Pn Wong Seow Yen | 39. Pn Zakiah Razak |
| 17. Pn Bamah a/p Subramaniam | 40. Cik Hoo See Moon |
| 18. Pn Siti Murni Masnon | 41. Pn Wan safla |
| 19. Pn Suriani Mohammad | 42. Pn Faridah Musa |
| 20. Pn NorHazleya hamzah | 43. Pn Hasanah Buang |
| 21. Pn Izatuldiana idris | 44. Pn Tan Yean Sun |
| 22. Pn Salasiah Nuruddin | 45. Pn Norizan Yunus |
| 23. Pn Noraini Mohd Amin | |

kecuali:

1. Pn Tengku Norhayati Tengku Mohammad[Bersebab]
2. En Juri Kamdi [Bersebab]
3. Pn Zunaidah Abdullah[Bersebab]
4. En Mohd Taslim Kotor[Bersebab]

1.0 Perutusan Pengerusi.

Pn pengetua selaku pengerusi mengucapkan terimakasih atas kehadiran semua ahli majlis. Beliau juga menyampaikan ucapan tahniah kepada guru yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun ini. Harapan beliau agar anugerah tersebut menjadi suntikan semangat untuk menjalankan tugas dengan lebih baik. Ketua Panitia merupakan tunggak utama kurikulum sekolah. Ketua panitia perlu memberi motivasi kepada ahli panitia untuk membuat penambahbaikan program yang dijalankan. Pada tahun ini kedudukan sekolah ialah 653[2011] berbanding 715[2010]. Kedudukan sekolah kita naik 61 anak tangga berbanding tahun 2010. Ini membantu sekolah naik dari band 5[2010] ke band 4[2011]. Tahniah kepada semua guru SMK Seri Serdang. Beliau juga berharap agar guru cemerlang dapat membantu pihak sekolah disamping bantuan guru pakar dari luar. Tahniah juga kepada pasukan debat sekolah yang berjaya menjuarai Debat Peringkat Kebangsaan 2011.

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat.

Minit Mesyuarat kali kedua telah disahkan tanpa sebarang pindaan. Cadangan oleh Pn Zulaini dan disokong oleh Pn Nor Aishah Abdul Kassim.

3.0 Perkara Berbangkit.

3.1 Latihan dalam perkhidmatan

En Ghalib Yunus [Guru cemerlang DG 48] akan memberi taklimat berkaitan dengan kajian Tindakan. Semua guru wajib hadir. Terimakasih kepada En Ghalib.

3.2 Pemantapan Sahsiah.

Unit Kaunseling diharap dapat menyediakan program untuk memantapkan sahsiah murid dan mengurangkan program berbentuk akademik. Maklumat disiplin hendaklah dianalisa setiap minggu dan terus membuat penambahbaikan dan tindakan. SKPM 2010 mementingkan sahsiah pelajar tidak kepada akademik semata-mata.

3.3 Hari Usahawan Muda

Sekolah telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM25 ribu dalam Program Hari Usahawan Muda. Tahniah kepada unit kokurikulum.

3.4 Pencerapan.

Data pencerapan guru pertengahan tahun telah dihantar. Data kedua akan dihantar pada bulan oktober. Minta kerjasama semua pencerap agar dapat membuat pencerapan dengan segera terutama guru yang belum dicerap.

3.5 Hari Terbuka SMK Seri Serdang.

Pada tahun 2011 SMK Seri Serdang telah mengadakan Hari Terbuka dua kali. Kali pertama khas untuk Tingkatan 3 dan Tingkatan 5. Manakala kali kedua untuk semua dari Tingkatan peralihan hingga Tingkatan 6. Kehadiran ibu bapa bagi tingkatan peralihan hingga tingkatan 5 sebanyak 75% manakala tingkatan 6 sebanyak 53%. Penjaga juga memberi maklumbalas positif dengan bersetuju Hari Terbuka di buat dua kali dan penilaian berasaskan sekolah menyebabkan pelajar lebih bertanggungjawab.

3.6 Kem Akademik

Kehadiran pelajar dalam Kem Akademik ialah 65%. Laporan setiap guru hendaklah dihantar dalam fail yang disediakan di pejabat.

3.7 Peperiksaan Pertengahan Tahun.

Semua guru hendaklah memastikan agar topik bagi setiap matapelajaran dapat diselesaikan agar pelajar bersedia menghadapi peperiksaan akhir tahun. Ketua panitia juga hendaklah memastikan agar sukatan dapat diselesaikan sebelum peperiksaan supaya tiada rungutan daripada ibubapa.

3.8 Pemakaian pakaian sukan.

Semua pelajar yang ada Pendidikan jasmani hendaklah memakai pakaian sukan. Sekiranya tidak memakai pakaian sukan guru hendaklah mengambil tindakan. Pelajar yang sengaja tidak mahu melibatkan diri semasa pendidikan jasmani tanpa alasan yang munasabah, diharap unit HEM mengambil tindakan yang sewajarnya.

4.0 Analisa Peperiksaan Pertengahan Tahun 2011.

Lihat lampiran.

Secara keseluruhan pencapaian pelajar tingkatan 1,2 dan 3 masih kurang memuaskan.

Peratus menguasai tingkatan 1 ialah 33.62% [GPS 3.27], tingkatan 2 ialah 36.9%[GPS 3.08] dan peratus menguasai tingkatan 3 ialah 43.2% [GPS 3.2].

Manakala peratus menguasai tingkatan 4 ialah 62.86% [GPS 6.25] dan peratus tingkatan 5 ialah 76.49%[GPS 6.16].

Peringkat menengah rendah terdapat beberapa subjek yang peratus kelulusan agak rendah iaitu Bahasa Melayu,Sains dan Pendidikan Moral untuk tingkatan 1. Tingkatan 2 pula ialah matapelajaran sejarah,matematik dan sains. Tingkatan 3 pula ialah matapelajaran Bahasa Inggeris,matematik dan sains.Peringkat menengah atas pula ialah matapelajaran matematik,Bahasa Inggeris,Sejarah,matematik tambahan dan perdagangan untuk tingkatan 4 manakala tingkatan 5 pula matapelajaran yang peratus kelulusan agak rendah ialah matematik,matematik tambahan,perdagangan dan Ekonomi asas .

5.0 Taklimat daripada Pn Nor Riha Zakaria [Penolong Kanan Akademik]

5.1 Kelas Bimbingan Selepas waktu persekolahan.

a. Program Gilapan Permata Zamrud

Kelas bimbingan ini untuk membantu pelajar yang kelulusan semasa peperiksaan pertengahan tahun antara 30 hingga 39. Matapelajaran yang terlibat ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

b. Program Gilapan Permata Delima.

Kelas bimbingan yang melibatkan bilangan pelajar yang kecil seperti Program Akademik Terbilang Selangor[PATs] dan juga kelas sisipan pada waktu Sivik, Pendidikan Seni dan pendidikan jasmani. Guru yang berminat boleh mengambil waktu tersebut untuk latih tubi dan sebagainya bagi persediaan peperiksaan PMR dan SPM.

c. Program Gilapan Permata Berlian.

Program ini dijalankan selepas peperiksaan percubaan PMR dan SPM. Bagi pelajar cemerlang latih tubi soalan percubaan negeri dan Sekolah Berasrama Penuh. Pelajar yang terlibat dengan Program Permata Zamrud akan membuat latih tubi soalan tahun lepas manakala Program permata Delima akan membuat latih tubi yang menjurus kepada lulus sahaja.

d. Kelas tambahan Hari Sabtu.

Bagi subjek yang lain kelas tambahan akan diadakan pada hari Sabtu. Pelajar akan mendaftar dan boleh memilih subjek yang perlu diberi tumpuan. Guru pembimbing akan ditetapkan oleh panitia. Satu hari diperuntukkan dua subjek iaitu dua jam bagi setiap subjek. Surat makluman kepada ibu-bapa akan diberikan kepada pelajar.

5.2 Pencerapan.

Berdasarkan dapatan nazir berkaitan pencerapan, di dapati daripada 10 Orang yang dicerap hanya 2 orang sahaja yang memenuhi kriteria pengajaran berkesan. Pejabat pendidikan daerah mencadangkan agar diadakan program "lesson-study". Di harap ketua panitia berbincang dengan ahli panitia untuk menjalankan program ini. Mesyuarat Guru Cemerlang SMK Seri Serdang telah memutuskan program 'lesson-study' akan diaplikasikan bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik, bahasa Inggeris dan Sains yang akan digunakan untuk kelas lain juga.

5.3 Bilik Pentaksiran

Pihak Sekolah telah menyediakan bilik Pentaksiran berasaskan Sekolah untuk menyimpan bahan yang berkaitan. Guru yang terlibat hendaklah melabel dengan betul setiap bahan yang disimpan supaya mudah jika diperlukan dengan segera. Ketua panitia hendaklah memantau ahli dalam panitia agar semua maklumat berkaitan dengan pelajar dan bahan lengkap. Ketua panitia dan ahli diminta duduk berbincang sebelum ketua pentaksir datang untuk menyemak agar semua lengkap. Buku log akan disediakan oleh Pn Rumaizah .

5.4 Penilaian Berasaskan sekolah.

Penilaian Berasaskan Sekolah akan dijalankan sepenuhnya bermula tahun 2011. Pihak sekolah berharap semua guru akan membuat penilaian ini dengan betul bagi setiap murid.

5.5 Majlis Anugerah Cemerlang 2011.

Mesyuarat Hari Anugerah Cemerlang 2011 akan diadakan pada 20.7.2011 [Isnin]. Raptai penuh Hari Anugerah Cemerlang akan diadakan pada hari Khamis 24.7.2011. Pada tahun ini semua guru akan mendapat Sijil Penghargaan kerana membantu sekolah meningkat dari Band 5 kepada Band 4 .

5.6 Program Selepas PMR

Unit Bimbingan Kaunseling bersama dengan Ketua panitia dapat berbincang untuk program selepas PMR akan masa pelajar tingkatan 3 dapat dimanfaatkan. Cadangan daripada unit akademik agar adakan slot pendedahan matapelajaran tingkatan 4 sebagai persediaan awal kepada pelajar.

5.7 Peruntukkan Kewangan.

Semua Ketua panitia diharap dapat menyemak baki kewangan dengan Pn Saemah. Berbincang dengan ahli dalam panitia untuk membuat pembelian dan berbelanja mengikut peruntukkan.

5.8 Guru Ganti.

Pihak PIBG akan membayar RM800 kepada guru ganti sebulan. Matapelajaran yang diperlukan ialah Sains, Matematik dan Sejarah.Sesi petang kekurangan 3 orang guru.

6.0 Taklimat ringkas oleh Pn NorLila Omar [Penolong Kanan Hal Ehwal Murid]

6.1 Latihan kebakaran.

Latihan kebakaran akan diadakan pada minggu hadapan, hari Khamis 21 Julai 2011.Semua guru diminta bersedia dan memastikan semua pelajar mematuhi program yang dirancang.

6.2 Kerja Kursus.

Pelajar baru yang berpindah masuk hendaklah membawa bersama markah kerja kursus apabila mendaftar. Fail ini hendaklah diserahkan kepada Guru kanan matapelajaran. Sekiranya tiada mohon agar pelajar mendapatkan markah dari sekolah lama sebelum diterima masuk ke SMK Seri Serdang.

6.3 Pendidikan Jasmani.

Waktu pendidikan jasmani semua pelajar hendaklah berada bersama dengan guru di kawasan yang telah ditetapkan. Kawasan kantin adalah kawasan larangan semasa waktu pendidikan jasmani. Guru hendaklah memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya .

7.0 Hal-hal lain.

7.1 Agenda daripada Pusat Sumber.

a. Data Nilam.

Data Nilam hendaklah diserahkan ke pusat sumber sebelum atau pada 1.8.2011. Guru yang ingin membuat program nilam di pusat sumber di harap dapat membuat tempahan lebih awal agar tidak berlaku pertindihan dengan kelas lain.

b. Cadangan buku.

Panitia boleh mencadangkan buku yang sesuai dibeli oleh pusat sumber untuk tahun 2012. Peruntukkan 2011 masih ada dan sekiranya ada buku yang sesuai boleh berikan kepada pusat sumber untuk pembelian tahun ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada 3.50 petang.

Disediakan oleh:

Nor Rafidah Daud

[Setiausaha Kurikulum]

Disemak oleh.....

Pn Nor Riha Zakaria

[Penolong Kanan Akademik]

Disahkan oleh:.....